

Peniaga digesa daftar cap dagangan produk elak 'berputih mata'

Kuala Lumpur: Peniaga di-gesa untuk mendaftar cap dagangan produk atau perniagaan mereka bagi mengelakkan 'berputih mata' apabila pihak lain meraih keuntungan atas kealpaan berbuat demikian.

Peguam Ahmad Hafiz Zubir berkata, beliau pernah berhadapan dengan kes seorang ahli perniagaan terkenal yang mahu mendaftar cap dagangannya pada tahun kengua perniagaan tetapi ia sudah terlambat.

"Beliau terpaksa berputih mata apabila ia mendapat bantahan daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia kerana cap dagangannya itu sudah didaftarkan oleh sebuah syarikat antarabangsa untuk produk yang sama lama sebelum peniaga itu memulakan perniagaannya lagi.

"Tidak ada apa yang boleh dibuat oleh peniaga itu pada ketika itu melainkan terpaksa berhadapan dengan syarikat antarabangsa itu untuk mendapatkan lesen menggunakan cap dagangan

menginginkan produk atau perkhidmatan mereka sudah dikenal pasti oleh pengguna perlu mempunyai cap dagangan berdaftar. Lebih-lebih lagi kepada perniagaan yang meletakkan mutu dan kualiti produk atau perkhidmatan mereka sebagai kebanggaan.

"Justeru secara semula jadinya, reputasi serta nama baik perniagaan mereka akan tertetak pada cap dagangan mereka kerana sudah dikenali secara meluas sebagai penanda untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan yang bermutu serta berkualiti tinggi," katanya.

Tambah Ahmad Hafiz, selain perniagaan, cap dagangan juga boleh didaftarkan atas nama individu, persatuan ataupun kelab.

"Perkara yang penting untuk mendaftar cap dagangan adalah sesebuah perniagaan itu mestilah mempunyai cap dagangan yang distinktif atau unik. Contohnya mahu menggunkan dan mendaftar per-

kataan 'warung'.

"Tidak adil untuk permia-gaan itu mempunyai hak eksklusif ke atas perkataan itu oleh itu dijadikan distinktif, perkataan 'warung' itu boleh digabungkan dengan kata nama khusus lain yang belum digunakan oleh perniagaan lain contohnya 'Warung Sulaiman' dan mungkin juga ditambah dengan logo yang unik," katanya.

Menurut Ahmad Hafiz, terdapat banyak kelebihan mendaftar cap dagangan ini antaranya boleh mendapatkan perlindungan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Akta Perihal Dagangan 2011.

"Mereka akan terlindung di bawah akta itu sekiranya cap dagangan diiru atau di-ciplak. Perniagaan yang ingin menajua pendapatan lebih melalui perlesenan atau francais juga akan lebih senang jika ia didaftarkan.

"Pendaftaran Cap Dagangan juga adalah keterangan prima facie akan pemilikan sekiranya berlaku pertikaian

di Mahkamah," katanya. Menjawab sama ada mereka yang melanggar aka cap dagangan akan dikenakan tindakan Ahmad Hafiz berkata, pihak yang melanggar boleh dikenakan tindakan saman.

"Di bawah Seksyen 38 Akta Cap Dagangan 1976, sesiapa yang melanggar mana-mana cap dagangan berdaftar boleh disaman melalui Mahkamah Sivil oleh pemilik. Pemilik boleh mendapatkan perintah mahkamah bagi mengarahkan individu atau pelanggar itu daripada berhenti menggunakannya.

"Mereka juga boleh menuntut bayaran ganti rugi atau keuntungan yang dibuat hasil dari aktiviti pelanggaran itu.

Ahmad Hafiz berkata, mereka yang melanggar berdepan hukuman denda dan penjara jika pemilik mendapatkan perintah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 bagi mengisytiharkan berlaku pelanggaran hak statutori.



Pendaftaran Cap Dagangan juga adalah keterangan prima facie akan pemilikan sekiranya berlaku pertikaian di Mahkamah"

Ahmad Hafiz Zubir

tapi ia hanya sesuai sekiranya cap dagangan itu mempunyai reputasi tinggi. "Semua perniagaan yang